

Lega pembinaan pagar selesai

TELOK DATOK - Ahli jawatankuasa Sekolah KAFA Integrasi As Syariff, Telok Datok gembira apabila permohonan untuk menyegerakan pembinaan pagar berhampiran sungai telah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Pengerusi Pentadbirannya, Zawalam Mashod berkata, selepas pelbagai masalah keselamatan timbul, pihak sekolah terpaksa membuat permohonan berulang kali bagi mengelakkan risiko kemalangan melibatkan murid sekolah.

Katanya, bagaimanapun, selepas permohonan disiarkan di dalam akhbar, baharulah pihak bertanggungjawab menunaikan janji mereka.

"Pihak pengurusan Sekolah KAFA Integrasi As Syariff, Telok Datok mengucapkan terima kasih kepada pihak yang bertanggungjawab terutama kontraktor yang terlibat dalam pembinaan pagar berhampiran tebing sungai itu.

"Kami harap, buka sekolah nanti tak ada lagi risi-



Pagar yang telah dipasang berhampiran tebing sungai di belakang Sekolah KAFA Integrasi As Syariff, Telok Datok.

Murid Kafa diancam hakisan tebing

Kontraktor didakwa gagal ikut spesifikasi ditetapkan, tembok dijanjikan pun tak dibina

TELOK DATOK, Murid Sekolah Kafa Integrasi As Syariff, Telok Datok berdebat dengan pihak kontraktor kerana pihak ini gagal membina pagar yang telah ditetapkan. Pihak kontraktor mendakwa pihak sekolah telah mengubah spesifikasi pagar yang ditetapkan. Pihak kontraktor mendakwa pihak sekolah telah mengubah spesifikasi pagar yang ditetapkan. Pihak kontraktor mendakwa pihak sekolah telah mengubah spesifikasi pagar yang ditetapkan.



Sebelum dipasang tembok tebing sungai yang hanya jarak 50 meter dari kawasan sekolah.

Kontraktor mendakwa pihak sekolah telah mengubah spesifikasi pagar yang ditetapkan. Pihak kontraktor mendakwa pihak sekolah telah mengubah spesifikasi pagar yang ditetapkan. Pihak kontraktor mendakwa pihak sekolah telah mengubah spesifikasi pagar yang ditetapkan.

Laporan Sinar Harian pada 21 November lalu.

ko kemalangan berlaku, dan kami tak bimbang murid-murid bermain di kawasan berhampiran sungai sebab dah berpagar," katanya.

Zawalam berkata, inisiatif itu membuktikan pihak tersebut bertanggungjawab dan prihatin dengan masalah sekolah.

Katanya, usaha pihak berkenaan dalam menyelenggara projek membina tebing sungai bagi mengelakkan hakisan juga haruslah dipuji bagi mengelakkan masalah lain timbul.

Sebelum ini, Ketua Guru, Mufidah Masroni memaklumkan, guru-guru sekolah itu terpaksa membuat pemantauan setiap masa bagi mengelakkan murid-murid bermain di kawasan tebing sungai.

Katanya, dengan jarak tidak sampai 50 meter itu pelbagai masalah boleh timbul kerana kawasan tebing sungai itu sangat berbahaya jika tiada pengadang.